

# Karyawan pelbagai kerjaya sertai SG50 Kita



SUMBANG IDEA: Dr Yaacob Ibrahim (tengah) sedang berbincang bersama sebilangan anggota Jawatankuasa SG50 Kita semasa majlis pelancaran jawatankuasa itu Di Taman Warisan Melayu semalam.  
- Foto KHALID BABA

28 Sep 2014

NORHAIZA HASHIM

PEREKA fesyen, guru dan peguam adalah antara golongan muda yang menjadi anggota Jawatankuasa SG50 Kita.

Sebagai generasi pewaris, mereka akan menjana idea bagi sumbangan masyarakat Melayu/Islam kepada negara dan memikirkan Singapura yang mereka inginkan di masa hadapan.

Encik Sallim Abdul Kadir, seorang anggota Lembaga Pengarah Mendaki dan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), akan mempengerusikan Jawatankuasa SG50 Kita.

Beliau dibantu dua timbalan pengerusi iaitu Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura yang juga Arkitek daripada firma Zahidi A.R Arkitek, Encik Zahidi Abdul Rahman; dan Penolong Pesuruhjaya Kanan (SAC) Polis, Cik Zuraidah Abdullah.

Sebahagian besar 20 anggota Jawatankuasa SG50 Kita dan empat anggota sekretariat merupakan golongan muda berusia purata 30 tahun yang akan memacu jawatankuasa itu.

Seorang daripada mereka ialah Encik Khairu Rejal, 34 tahun, pengurus pelaburan Majuven Pte Ltd dan pengasas Majulah Community dan Kita.sg.

"Melalui jawatankuasa ini, saya berharap dapat menyumbang pemikiran bagi mewujudkan kegiatan yang mempunyai kesan kepada masyarakat umum secara menyeluruh," ujarinya.

Cik Hidayah Selamat, 28 tahun, seorang editor di firma media Asia Tenggara Coconuts Media, berharap dapat menjana idea bagi membantu golongan memerlukan di peringkat nasional seperti kerja kebajikan bagi golongan susah.

Anggota lain termasuk peguam di Wong Partnership LLP, Encik Ahmad Firdaus Daud; seorang pereka fesyen, Cik Nur Hafizah Ghazali; guru-guru Cikgu Nuraina Md Sin dan Cikgu Nur Amirah Abu Hasan; pengurus akaun Google Singapore, Cik Farah Sidek; eksekutif perhubungan korporat, Cik Hamidah Aidillah Mustafa; usahawan The Fugitive Baker, Cik Shareeda Morrison; pengarah kreatif Sri Warisan, Cik Marina Yusof; dan ketua (Program sosial) Kementerian Kewangan (MOF), Cik Mastura Manap.

Beberapa wakil badan Melayu/Islam juga menyertai jawatankuasa itu - timbalan setiausaha kehormat Pergas, Ustaz Muhammad Nuzhan Abdul Halim; timbalan presiden 4PM, Syed Faisal Syed Ismail; anggota Majlis Muis, Encik Raja Mohamad; Presiden Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), Cik Rahayu Mohamad; timbalan presiden II Jamiyah Singapore, Dr Isa Hassan; dan pengerusi lembaga pengarah Angkatan Karyawan Islam, Encik Azmoon Ahmad.

Anggota masyarakat boleh menyumbang idea di laman web SG50 Kita di [www.sg50kita.co](http://www.sg50kita.co).